



THE NATURE OF LAW

Law, says the judge as he looks down his nose,
Speaking clearly and most severely,
Law is as I told you before,
Law is as you know I suppose,
Law is but let me explain it once more,
Law is The Law.

W. H. AUDEN

From "Law Like Love"

PENGHARGAAN

Segala puji-pujian dipanjatkan ke hadrat Allah s.w.t. Tuhan sekalian alam kerana dengan limpah kurniaNya serta taufik dan hidayatNya memberi kesempatan kepada penulis untuk menyiapkan sebuah kertas projek bagi syarat untuk mendapat Diploma Undang-undang dan Pentadbiran Kehakiman Islam.


Di sini penulis ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan jutaan terimakasih kepada pensyarah dan penyelia penulis, yang berbahagia Tan Sri Prof Dato' Syed Agil Barakbah yang telah memberi nasihat dan tunjuk ajar di sepanjang kajian ini sehingga siap.

Penulis ingin juga merakamkan penghargaan yang tidak terhingga kepada keluarga, kedua ibubapa penulis kerana dorongan serta kesabaran merekalah, penulis dapat menyiapkan projek ini dengan sempurna.

Di samping itu juga, penulis ingin mengucapkan rasa terimakasih kepada Cik Rosilah Abdollah yang telah bertungkus lumus menaip kertas projek ini sehingga siap, seterusnya kepada rakan-rakan yang telah memberi sokongan material dan moral bagi menyiapkan kajian ini.

Akhirnya, penulis berharap agar kajian ini dapat memberi kefahaman yang jelas kepada pembaca dan mengharapakan dengan izin Allah s.w.t. akan terlaksananya pelaksanaan Undang-undang Islam di Malaysia.

Saya yang benar,



Anis Murshidin bt. Abdullah
56,. Bangunan Mara,
Kampung Melayu,
11500, Air Itam,
Pulau Pinang.
Tel: 04-690401

ABSTRAK

Kajian ini adalah merupakan suatu kajian perbandingan mengenai pengecualian am di dalam undang-undang Jenayah Islam dan undang-undang Jenayah Malaysia khususnya Kanun Kesiksaan.

Di dalam kajian ini, penulis cuba menerangkan konsep tanggungjawab jenayah serta perbandingannya dengan kedua-dua undang-undang. Di samping itu juga, penulis menjelaskan persamaan dan perbezaan yang wujud di antara kedua-dua undang-undang mengenai pengecualian am dari tanggungjawab jenayah.

Kajian ini dibahagikan kepada 3 bab. Bab pertama, merupakan perbincangan mengenai tanggungjawab jenayah di dalam undang-undang Jenayah Islam dan undang-undang Jenayah Malaysia (Kanun Kesiksaan). Di samping itu juga dijelaskan tentang konsep pengecualian am dan sebab-sebab yang kepada pengecualian di dalam kedua-dua undang-undang tersebut. Bab kedua adalah mengenai jenis-jenis pengecualian di dalam undang-undang Jenayah Islam dan undang-undang Jenayah Malaysia. Di dalam bab ini juga dibincangkan tentang jenayah-jenayah yang gugur atau diringankan hukuman oleh sebab pengecualian.

Bab ketiga memperkatakan mengenai kesan-kesan pengecualian terhadap hukuman samada ianya diringankan atau digugurkan daripada tanggungjawab pelaku di dalam kedua-dua undang-undang tersebut.

KANDUNGAN

	Halaman
PENGHARGAAN	i
ABSTRAK	ii
KANDUNGAN	iii
SENARAI PERKATAAN RINGKAS.....	iv
SENARAI KES-KES	v
BAB PERTAMA : KONSEP TANGGUNGJAWAB JENAYAH DAN PENGECUALIAN AM DALAM UNDANG-UNDANG JENAYAH ISLAM DAN KANUN KESIKSAAN MALAYSIA (PENAL CODE).	
Tanggungjawab Jenayah :	
Pendahuluan.....	1
Tanggungjawab Jenayah dalam Undang-undang Jenayah Islam.....	4
Tanggungjawab Jenayah dalam Kanun Kesiksaan Malaysia.....	13
Ulasan.....	31
Pengecualian am dan sebab-sebabnya dalam Undang-undang Jenayah Islam.....	32
Pengecualian am dan sebab-sebabnya dalam Kanun Kesiksaan Malaysia (Penal Code).	37
Ulasan.....	40
BAB KEDUA : PENGECUALIAN AM : JENIS-JENISNYA DALAM UN- DANG-UNDANG JENAYAH ISLAM DAN KANUN KESIKSAAN MALAYSIA.	
Bahagian Pertama : Jenis-jenis Pengecualian Am berda- sarkan kepada Justifikasi (sebab- sebab keharusan perbuatan seseo- rang pelaku)	
Pertahanan Persendirian dan Harta menurut Undang-undang Jenayah Islam.....	52

Pertahanan Persendirian dan Harta (Private Defence) di dalam Kanun Kesiksaan.....	56
Ulasan Perbandingan.....	61
Dharurat Dalam Undang-undang Jenayah Islam.....	63
Keperluan (Necessity) dalam Kanun Kesiksaan.....	67
Ulasan Perbandingan.....	73
Kerelaan dalam Undang-undang Jenayah Islam.....	75
Kerelaan (Consent) di dalam Kanun Kesiksaan.....	82
Ulasan Perbandingan.....	85
Menurut Perintah Dalam Undang-undang Jenayah Islam	87
Menurut Perintah Undang-undang (Acting Judicially) dalam Kanun Kesiksaan.....	90
Ulasan Peerbandingan.....	96
Bahagian Kedua : Jenis-jenis pengecualian am sarkan kepada sifat-sifat personaliti pelaku itu.	berda atau
Syubhah dalam Undang-undang Jenayah Islam.....	98
Silapfaham (Mistake) dalam Kanun Kesiksaan.....	100
Ulasan Perbandingan.....	106
Perbuatan Tidak Sengaja dalam Undang-undang Jenayah Islam.....	107
Perbuatan Tidak Sengaja (Accident) dalam Kanun Kesiksaan.....	110
Ulasan Perbandingan.....	113
Kanak-kanak dalam Undang-undang Jenayah Islam...	114
Kanak-kanak dalam Kanun Kesiksaan.....	118
Ulasan Perbandingan.....	122
Gila dalam Undang-undang Jenayah Islam.....	124
Tidak sempurna akal dalam Kanun Kesiksaan.....	127

Ulasan Perbandingan.....	134
Paksaan dalam Undang-undang Jenayah Islam.....	135
Paksaan dalam kanun Kesiksaan.....	145
Ulasan Perbandingan.....	149
Mabuk dalam Undang-undang Jenayah Islam.....	151
Mabuk dalam Kanun Kesiksaan.....	155
Ulasan Perbandingan.....	159

BAB KETIGA : PENGECUALIAN AM : KESAN-KESANNYA TERHADAP
HUKUMAN DALAM UNDANG-UNDANG JENAYAH ISLAM DAN
KANUN KESIKSAAN MALAYSIA.

SENARAI PERKATAAN RINGKAS

A.I.R	All India Reporter, from 1914.
A.C.	Appeal Cases, Law Reports from 1891.
AII	Indian Law Reports, Allahabad Series from 1949.
AII. E.R	All England Reports, from 1936.
BOM. L.R.	Bombay Law Reports.
C.L.J.	Culcutta Law Journal, from 1905
C.L.R	Culcutta Law Reports, 1868-1875.
Cox. C.C.	Cox's Criminal Cases, from 1843.
Cr. L.J	Criminal Law Journal of India, from 1904.
Cr. L.R.	Criminal Law Review.
Cr. R.	Criminal Rulings of the Bombay High Court 1862-1910.
M.L.J.	Malayan Law Journal.
M.L.J.	Malayan Law Journal Reports, from 1891.
Q.B.	Law Reports, Queen's Bench, from 1891.
Q.B.D.	Queen's Bench Division, Law Reports, 1875-1890.
Unrep. Cr.C.	Unreported Criminal Cases of the High Court of Bombay, 1862-1898.
W.R.	Southerland's Weekly Reporter, 1862-Culcutta.

SENARAI KES-KES

- Anderson v. Come (1895), Cr.R., 668, (1925) 6 Lah, 463.
- Abbot, (1977) AC 755.
- Ba Ba Sein (1983), Ran, 227.
- Basant Singh v. Emperor (1901) 3 Bom. L.R. 678.
- Bonda Kui (1943) Air (P) 64.
- Chirangi v. State (1932), A.I.R. 282.
- Calley (v US), (1973) 22 USMCA 534.
- Dendati Sannibabu v. Varadapureddi Sannibabu (1956), Cr. L.J, 167.
- Dhanial Dail (1868), 5 B.H.C, 15.
- Director of Public Prosecution v. Beard (1920), A.C, 479.
- Dudley and Stephens (1884), Q.B.D, 273/287/288.
- Emperor v. Wali Muhammad (1938), Cri. L.J.
- Fowler v. Padget, (1978), T.R. 509 (7 A.C).
- Gobardan Bhuyam (1870) 4 Beng.L.R (APPX) 101, Sub-non.
- Godi, (1896), Cri. R, No 55 Unrep. Cr.c., 876.
- Holmes (v US), (1842) 26 Fed. Cases 360 (Circuit Court Eastern District) Pennsylvania USA.
- Hafiz Ali, (1865), 3 W.R (Cr) 47.
- Ismail v. Crown, (1907), 6 Cr. L.J., 271.
- Kassim Isub Sab, (1912), Bom. L.R., 365.
- Mohamed Ibrahim v. Public Prosecutor (1953), M.L.J., 70.
- Musa v. Public Prosecutor (1953), M.L.J., 70.
- Mussamut Aimona (1964), W.R (cr).., 43.
- Narayan Das, (1922) 3 Lah 144.
- Nga Tun Kaing (1917), 18 Cr. L.J., 943.

SENARAI KES-KES

- Anderson v. Come (1895), Cr.R., 668, (1925) 6 Lah, 463.
- Abbot, (1977) AC 755.
- Ba Ba Sein (1983), Ran, 227.
- Basant Singh v. Emperor (1901) 3 Bom. L.R. 678.
- Bonda Kui (1943) Air (P) 64.
- Chirangi v. State (1932), A.I.R. 282.
- Calley (v US), (1973) 22 USMCA 534.
- Dendati Sannibabu v. Varadapureddi Sannibabu (1956), Cr. L.J, 167.
- Dhanial Dail (1868), 5 B.H.C, 15.
- Director of Public Prosecution v. Beard (1920), A.C, 479.
- Dudley and Stephens (1884), Q.B.D, 273/287/288.
- Emperor v. Wali Muhammad (1938), Cri. L.J.
- Fowler v. Fadget, (1978), T.R. 509 (7 A.C).
- Gobardan Bhuyam (1870) 4 Beng.L.R (APPX) 101, Sub-non.
- Godi, (1896), Cri. R, No 55 Unrep. Cr.c., 876.
- Holmes (v US), (1842) 26 Fed. Cases 360 (Circuit Court Eastern District) Pennsylvania USA.
- Hafiz Ali, (1865), 3 W.R (Cr) 47.
- Ismail v. Crown, (1907), 6 Cr. L.J., 271.
- Kassim Isub Sab, (1912), Bom. L.R., 365.
- Mohamed Ibrahim v. Public Prosecutor (1953), M.L.J., 70.
- Musa v. Public Prosecutor (1953), M.L.J., 70.
- Mussamut Aimoa (1964), W.R (cr)., 43.
- Narayan Das, (1922) 3 Lah 144.
- Nga Tun Kaing (1917), 18 Cr. L.J., 943.

- Ngwa Shwee Kin (1915), C.L.R., 581.
- Nunn (1935) Vol 14, xix.
- Queen v. Flattery (1863), Cox. C.C., 388.
- Queen v. Timappa (1901) 3 Bom. L.R 678.
- Seat Ali (1917), 18 Cr. L.J., 166.
- Shew Mangal Singh v. State of Bengal (1981) 4 Sc (Crim) 782 (Sc, India).
- Subramaniam v. Public Prosecutor (1947), M.L.J., 220.
- Sulong Naim v. Public Prosecutor (1947), M.L.J., 138.
- Tan Seng Aun v. Public Prosecutor (1947), M.L.J., 87.
- Tanco (1939) Cr. L.J., 725.
- Waryan Singh (1926) 28 Cr. L.J. 39.
- Umar bin Ali (1982) 2 MLJ 51 (High Court, Johore Malaysia)

BAB PERTAMA

KONSEP TANGGUNGJAWAB JENAYAH DAN

PENGECUALIAN AM

DALAM

UNDANG-UNDANG JENAYAH ISLAM

DAN KANUN KESIKSAAN MALAYSIA

(PENAL CODE)

BAB PERTAMA

KONSEP TANGGUNGJAWAB JENAYAH DAN PENGECUALIAN AM DALAM UNDANG-UNDANG JENAYAH ISLAM DAN KANUN KESIKAAN MALAYSIA (PENAL CODE).

Tanggungjawab Jenayah : Pendahuluan.

Jenayah secara umumnya berlaku ketika seseorang individu itu melanggar sesuatu peruntukan undang-undang jenayah, sudah tentu individu itu akan di dakwa di mahkamah bagi menentukan hukuman yang setimpal terhadapnya. Hukuman hanyalah dikenakan terhadap orang yang bertanggungjawab melakukan sesuatu perbuatan jenayah. Apa yang dimaksudkan di sini ialah bagi setiap jenayah, seseorang individu tertentu akan dikenakan tanggungjawab jenayah yang mempunyai kaitan yang erat dengan undang-undang jenayah itu sendiri.

Tanggungjawab jenayah merupakan satu bebanan yang ditanggung oleh seseorang apabila dia melakukan jenayah dan ianya juga adalah salah satu daripada bahagian yang paling mustahak di dalam undang-undang jenayah, tidak kira samada jenayah di sisi pandangan Islam atau di sisi pandangan moden. Ini adalah kerana ianya mempunyai hubungan yang rapat dengan pengecualian itu sendiri dan juga merupakan asas yang penting di dalam persabitan (conviction) yang tertuduh (accused) terhadap kesalahan jenayah yang dilakukannya. Di dalam Islam, sebarang tindakan yang boleh menzalimkan penjenayah adalah menjadi kesalahan besar; dari itu untuk menja-

min supaya seseorang penjenayah dari dianaiya; perlulah ditentukan tanggungjawab jenayah baginya bagi menegakkan keadilan dan menjauhi kezaliman.

Di zaman Jahiliyyah (sebelum Islam) terdapat satu amalan yang bertentangan samasekali di segi keadilan dan tanggungjawab jenayah samada syara' atau rasional. Zaman itu wujud satu keadaan dimana, jika seorang dari satu kumpulan membunuh seorang dari kumpulan lain, maka anggota kumpulan yang lain itu (yang menjadi mangsa) akan menuntut seorang yang lain dari kumpulan pembunuh itu untuk dibunuh balas, bukan pembunuh itu sendiri. Misalnya seorang yang bernama A dari kumpulan X membunuh seorang yang bernama B dari kumpulan Z; maka anggota kumpulan Z (kumpulan yang menjadi mangsa) akan menuntut seorang yang lain dari anggota kumpulan X untuk dibunuh, bukannya A yang menjadi pembunuh tadi.

Selalunya anggota kumpulan mangsa akan meminta untuk dibunuh balas seorang yang lain (bukan pembunuh) yang lebih tinggi dari segi kejantinaan, darjat atau keturunan untuk dibunuh balas, bukan pembunuh itu sendiri.

2

Terdapat satu riwayat dari Bashr yang didapati dari Said dan Qatadah; mereka telah berkata mengenai hal itu dengan menyebut; firman Tuhan yang bermaksud:-

"Hai orang-orang yang beriman, diwajibkan ke atas kamu qisas yang berkenaan orang-orang yang dibunuh; orang merdeka dengan orang merdeka; hamba dengan hamba dan wanita dengan wanita".

Bashr berpendapat:

"Bahawa anggota masyarakat Jahiliyyah mereka adalah zalim, dan taat kepada syaitan, jika orang yang masih hidup mempunyai kekuatan dan pangkat, apabila seorang hamba di kalangan mereka dibunuh oleh seorang hamba dari kumpulan lain: mereka (yang menjadi mangsa) akan berkata : " Kami tidak mahu membunuh balas melainkan yang bebas (bukannya hamba yang membunuh itu)", demi untuk menjaga taraf mereka yang tinggi dari kumpulan lain. Jika seorang perempuan dikalangan mereka dibunuh oleh seorang perempuan dari kumpulan yang lain, mereka (kumpulan yang menjadi mangsa) akan berkata ; "Kami tidak mahu membunuh balas perempuan itu, kami ingin gantian iaitu seorang lelaki untuk dibunuh balas."

Maka dengan keadaan yang demikian Tuhan menurunkan ayat Al-Quran di atas yang melarang mereka berbuat demikian. Selepas itu turun firman Tuhan yang bermaksud :

"Dan kami telah tetapkan terhadap mereka di dalamnya (At-Taurat) bahawasanya jiwa dibalas dengan jiwa."

4

Dari ayat di atas, dapatlah difahami bahawa mesti dibunuh balas pembunuh itu sendiri bukan orang yang lain (yang lebih tinggi dari segi taraf dan darjat atau jantina) yang tidak menjadi pembunuh. Bahkan wali mangsa yang teraniaya (yang dibunuhbalas sedangkan dia bukan pembunuh) berhak menuntut keadilan kerana kezaliman tersebut seperti terda-

patnya jaminan dari Tuhan melalui firmanNya yang bermaksud :

"Barangsiapa yang dibunuh dengan zalim, maka sesungguhnya Kami telah memberi kekuasaan kepada ahli waris-

nya, tetapi janganlah ahli waris itu melampaui batas dalam membunuh."

6

Dari asas-asas di atas menunjukkan bahawa orang yang bertanggungjawab di segi jenayah Islam ialah penjenayah itu sendiri (bukan orang lain yang tidak berdosa), kerana

Tuhan menegaskan lagi dengan firmanNya yang bermaksud :

".... dan seseorang yang berdosa itu tidak akan menanggung (memikul) dosa orang lain."

8

Terdapat satu hadis yang bermaksud:

"Orang-orang Islam itu darah mereka adalah sama"

TANGGUNGJAWAB JENAYAH DALAM UNDANG-UNDANG ISLAM

Dalam Undang-undang Jenayah Islam, tanggungjawab jenayah bermaksud bebanan yang ditanggung oleh seseorang samada dengan melakukan perbuatan yang dilarang oleh Syara' atau meninggalkan kewajipan yang diwajibkan ke atasnya. Dengan pengertian tanggungjawab di atas dapatlah difahami bahawa tanggungjawab jenayah dalam Islam terbina di atas dua asas yang besar iaitu ikhtiar (pilihan) dan idrak (pengetahuan).

Ikhtiar di dalam Jenayah Islam membawa erti pilihan seseorang itu dalam melakukan perbuatan jenayah samada perbuatan itu bersifat positif (irtikab al-Mahzur) ataupun

negatif (tarikal mafrud).

9

Perbuatan jenayah secara positif (comission) adalah seperti membunuh, mencederakan, mencuri, merompak dan sebagainya. Manakala meninggalkan kewajipan atau tark al-Mafrud dapat dikatakan sama dengan tinggalkan jenayah (omission) iaitu perbuatan jenayah secara negatif seperti murtad, meninggalkan sembahyang, enggan mengeluarkan zakat bila cukup nisab dan syarat-syaratnya, tidak mengerjakan haji bila mampu dan sebagainya.

10

Mengenai asas-asas tanggungjawab jenayah dalam Islam terdapat beberapa mazhab yang memberikan pendapat-pendapat yang berbeza mengenainya. Di antara pendapat-pendapat itu ialah :

Pertamanya : Menurut Mazhab Al-Jabariah, mereka menyatakan manusia tidak bebas memilih kehendaknya (apa yang hendak dilakukan). Manusia ini tidak dilahirkan bersama kehendak ataupun kuasa memilih. malah perbuatan-perbuatan manusia diarahkan oleh Allah sebagaimana Dia mencipta tumbuh-tumbuhan dan benda-benda lain.

Keduanya : Mazhab Mu'tazilah di Iraq mempercayai bahawa manusia mencipta perbuatannya sendiri samada jahat atau baik. Oleh itu mereka berhak menerima pembalasan pahala dan dosa di hari Akhirat. Manusia ini juga mempunyai pilihan dalam segala tindakannya dan kemampuan un-

dang-undang (legal capacity).

Ketiganya : Menurut Mazhab al-Asha'irah walaupun manusia mempunyai kehendak tetapi ianya tidak mengatasi kuasa Tuhan. Mereka membentuk perbuatan yang dilakukan oleh tindak-tanduk mereka sendiri. Di sini mereka mempertimbangkan pilihan mereka dalam tindak-tanduk mereka sendiri.

11

Pendapat ketiga adalah merupakan pendapat yang lebih bersesuaian dengan apa yang ditetapkan oleh Undang-undang Jenayah Islam. Syara' telah menetapkan bahawa bebanan tanggungjawab yang akan dipikul oleh orang yang dituduh mestilah wujud dua unsur iaitu pengetahuan dan ikhtiar. Apabila gugur satu daripada unsur-unsur ini, maka tiada tanggungjawab yang akan dipikul. Sebagai contohnya, curi adalah kejahatan yang diharamkan dan hukumannya ialah potong tangan.

Sesiapa yang mencuri harta orang lain maka wujud perbuatan jenayah yang mengakibatkan tanggungjawab jenayah. Tetapi dia tidak akan dihukum kecuali wujud unsur pengetahuan dan unsur ikhtiar. Oleh sebab itu jika dia tiada kehendak; iaitu niat tetapi ada ikhtiar iaitu perbuatan, maka tiada tanggungjawab yang akan dipikul. Misalnya, di masjid pada hari Jumaat, tentunya penuh sesak dengan manusia. Seseorang itu telah mengambil kasut yang dia sangka bahawa itu adalah kepunyaannya walhal sebenarnya kasut itu kepu-

nyaan orang lain. Jelas di sini bahawa dia tidak mengetahui kasut itu bukan kepunyaanya. Walaupun wujud unsur ikhtiar (perbuatan) ; akan tetapi dengan tiadanya unsur niat (kehendak) dia dikecualikan dari sebarang tanggungjawab jenayah.

Merujuk kepada penjelasan di atas, dapatlah dibuat kesimpulan bahawa tanggungjawab jenayah dalam undang-undang Islam adalah hasil daripada perkara-perkara berikut:

- a) Melakukan perbuatan yang diharamkan. Contohnya seorang membunuh orang lain dengan sengaja sedangkan Islam mengharamkannya.
- b) Melakukan dengan ikhtiar atau perbuatan sendiri. Ini bermaksud melakukan sesuatu jenayah dengan rela hati tanpa paksaan.
- c) Melakukan dengan pengetahuan atau niat sendiri. Sebagai contoh, seseorang yang memukul seseorang lain dengan niat supaya dia mendapat kecederaan atau kematian.

Berbalik kepada unsur ikhtiar yang lebih dikenali dengan unsur fizikal (actus reus), rasanya tidak perlu lagi dibincangkan di sini kerana ianya telah jelas di dalam perbincangan mengenai definasi tanggungjawab jenayah Islam, tetapi perlu diingatkan di sini bahawa unsur fizikal di dalam undang-undang Islam mengandungi perbuatan jenayah yang positif (comission) dan juga tinggalkan jenayah (omission) sebagaimana yang terkandung di dalam undang-undang jenayah Malaysia.

Maka unsur pengetahuan atau unsur mental (mens rea) di

dalam undang-undang Jenayah telah dibuktikan kepentingannya melalui dua sumber perundangan Islam yang asasi iaitu Al-Quran dan Al-Hadis. Dalam hal ini, Islam adalah dapat dibanggakan, sebab lebih dari 1,400 tahun, Islam telahpun mengakui unsur pengetahuan ataupun unsur mental atau unsur aqal sebagai satu unsur yang mesti dalam menilai satu-satu kesalahan, samada jenayah atau lainnya.

Sedangkan di dalam undang-undang Barat sebelum doktrin mens rea digunakan, konsep yang menjadi ukuran tanggungjawab jenayah ialah konsep tanggungjawab keras atau ketat (strict liability) dimana keadaan pemikiran jenayah adalah tidak berkaitan atau tidak mustahak untuk menilai satu-satu tanggungjawab jenayah. Apabila sesuatu kesalahan felony (treason) atau jenayah yang menderhaka kedaulatan pemerintah, maka terus dihukum tanpa dikira hal ehwal penjenayah dan keadaan pemikirannya. Dalam abad ke 18 baharulah unsur mental dianggap sebagai unsur utama dalam tanggungjawab jenayah moden. Ini menunjukkan bahawa Islamlah pengasas bagi mempelopori kepentingan unsur mental dalam menilai satu-satu tanggungjawab jenayah.

Di antara dalil-dalil dari Al-Quran dan As-Sunnah yang menunjukkan Islam dari awal-awal telah memastikan unsur aqal sebagai unsur mesti di dalam mana-mana tanggungjawab jenayah seperti firman Allah yang bermaksud :

"Barangsiapa yang membunuh seorang mukmin dengan sengaja maka balasannya ialah neraka Jahannam , kekal ia
13

di dalamnya dan Allah murka kepadanya.

Sebaliknya kalau unsur-unsur mental tidak wujud seperti tidak sengaja atau lainnya, maka tidak ada tanggungjawab jenayah; sepertimana firman Allah yang bermaksud :

"Barangsiapa yang membunuh seorang Muslim kerana tersalah "khata", maka hendaklah dia memerdekakan seorang hamba sahaya yang beriman serta membayar diat."

15

Jelas dari ayat Al-Quran di atas bahawa membunuh dengan sengaja hendaklah dibunuh balas pembunuhnya dan membunuh dengan tersalah (tak sengaja) hanya dikenakan diat serta membebaskan seorang hamba. Disamping itu juga terdapat banyak hadith atau Sunnah yang menunjukkan tanggungjawab jenayah seperti antaranya Nabi s.a.w. bersabda yang bermaksud:

"Diangkat qalam dari tiga golongan, dari orang yang

16

tidur sehingga bangun, dari budak sehingga dewasa, dari orang gila sehingga waras atau sedar".

17

Di dalam hadith yang lain pula, Nabi s.a.w. bersabda yang bermaksud:

"Sesungguhnya Allah mengangkat qalam dari umatku kerana tersalah, terlupa dan apa yang dipaksakan ke atas mereka."

Tuhan yang mengampuni orang-orang yang membuat kejahatan kerana kejahilan dengan menerima taubat darinya; terdapat firman Tuhan tentang hak ini yang bermaksud:

"Kemudiannya sesungguhnya Tuhan telah (mengampunkan) bagi orang-orang yang mengerjakan kesalahan kerana kejahilannya (jahalah), kemudian mereka bertaubat sesudah itu dan memperbaiki (dirinya); sesungguhnya Tuhanmu sesudah itu Maha Pengampun lagi Maha Penyayang."

18

Dari bukti-bukti yang lepas samada dari Al-Quran atau Hadith adalah pasti dan jelas bahawa Islam sejak awal-awal lagi (dari mula) telah menguatkuasakan unsur mental (aql) sebagai satu unsur utama untuk menilai sesuatu tanggungjawab jenayah dan ianya menentukan samada tanggungjawab jenayah akan dipikul oleh penjenayah (Al-Jani) ataupun tidak.

Niat jahat atau mens rea di dalam Undang-undang Jenayah Islam bergantung kepada beberapa keadaan tertentu sepertimana yang dihuraikan oleh Fuqaha' Islam. Di antara istilah yang digunakan adalah seperti sengaja, sebagai contohnya, seseorang yang membunuh seorang yang lain dengan sengaja sebagaimana yang terkandung dalam ayat Al-Quran yang menerangkan bunuh dengan sengaja (qatlu al-amd), kehendak, contohnya seseorang itu melaksanakan perbuatan jenayah tanpa paksaan dan dengan pengetahuan, contohnya seseorang itu melakukan sesuatu perbuatan yang mana dia mengetahui bahawa perbuatan itu dianggap jenayah dalam Islam.

Semua istilah yang disebutkan ini menggambarkan terdapatnya keadaan mental yang perlu dalam Undang-undang Jenayah Islam. Sebagaimana yang diperuntukkan di dalam undang-undang Jenayah Malaysia bahawa kesalahan-kesalahan tanggungan keras atau tanggungan ketat (strict liability) yang mana

ianya tidak memerlukan pembuktian niat (*mens rea*) untuk mensabitkan orang yang dituduh sebagai bersalah. Undang-
19

undang Jenayah Islam menafikan perkara ini dan menetapkan bahawa tiada pengecualian niat dalam Jenayah Islam. Ini adalah kerana kesukaran untuk memastikan pengecualian niat dalam Jenayah Islam disebabkan kitab-kitab Fiqah lama maupun moden tidak didapati samasekali samada secara langsung atau tersirat menggambarkan bahawa terdapatnya penyamaan konsep niat dengan konsep tanggungan keras.

Islam telah mengakui kedua-dua unsur ini (mental dan fizikal) di dalam semua hal bukan sahaja di dalam jenayah. Di antaranya firman Allah s.w.t. yang bermaksud :

"Dan tiada dosa bagimu bila kamu tersalah dalam hal itu tapi apa yang disengajakan oleh hatimu."
20

Di antara hadis pula sebagaimana yang disabdakan oleh Nabi s.a.w. yang bermaksud :

"Sesungguhnya segala perbuatan itu dengan niat dan sesungguhnya bagi tiap-tiap orang apa yang diniatkan."

21

Dinilai segala perbuatan samada baik atau buruk itu dengan niat pembuatnya dan sesungguhnya segala sesuatu itu adalah dinilai tentang niat pembuatnya, tetapi disini mengikut Al-Ghazaliy, bahawa penggunaan niat itu adalah unsur perbuatan yang taat dan harus sahaja, kerana perbuatan maksiat tidak boleh menjadi baik semata-mata dengan niat

baik bahkan itu adalah maksiat yang lain pula.

22

Dalam membicarakan unsur-unsur jenayah ini terdapat kupasan yang menarik oleh dua orang tokoh Islam iaitu Al-Ghazaliy dan Al-Mawardiyy. Al-Ghazaliy membicarakan

23

24

niat dari hadis yang disebut di atas dan memerlukan dua perkara supaya niat itu menjadi terlaksana. Dua unsur itu bagi Al-Ghazaliy ialah pengetahuan (ilm) dan perbuatan atau amalan ('amal). Amalan juga termasuk perbuatan atau tinggalkan seperti undang-undang moden juga, adalah bergantung

25

kepada pengetahuan (ilm). Dari pengetahuan akan membawa kepada kehendak yang berdasarkan kepada pengetahuan tadi dan dengan kehendak itu akan mencetuskan gerakan atau tindakan dan wujudlah apa yang dikatakan perbuatan. Jadi, Al-Ghazaliy menegaskan dua unsur iaitu pengetahuan dan perbuatan adalah mustahak untuk menghasilkan niat.

26

TANGGUNGJAWAB JENAYAH (CRIMINAL RESPONSIBILITY) DALAM KANUN
KESIKSAAN MALAYSIA

Tiada definisi yang tepat mengenai tanggungjawab Jenayah dalam undang-undang ini sebagai satu kesimpulan yang dapat dibuat ialah ianya merupakan suatu bebanan yang di-tanggungjawab oleh seseorang apabila dia melakukan jenayah. Seperti juga di dalam Undang-undang Jenayah Malaysia, hukuman yang dikenakan biasanya melalui tindakan-tindakan jenayah (Criminal Proceedings) yang mana melakukan perbuatan yang ditegah (prohibited act) tidak semestinya membentuk satu jenayah.

Di dalam Common Law, terdapat satu maxim yang masyhur yang berbunyi "Actus non facit reum nisi mens rea" yang boleh diterjemahkan sebagai "niat dan perbuatan kedua-duanya mesti wujud serentak (concur) untuk melahirkan sesuatu

27

jenayah. Bererti jika sesuatu perbuatan yang memudaratkan

28

masyarakat atau individu, tidak dapat dikatakan ianya sebagai jenayah jika tidak ada mens rea atau fikiran bersalah (guilty mind) terhadap perbuatan itu. Wujudnya niat jenayah itu mestilah serentak dengan actus reus yang boleh

29

30

diertikan sebagai perbuatan jenayah atau jenayah yang dilakukan, atau natijah yang lahir dari tindakan manusia yang

31

mana undang-undang ingin mencegahnya.

Perbuatan yang dimaksudkan di sini juga termasuk tinggalan perbuatan (omission). Ini jelas dapat dilihat dalam Seksyen 32 Kanun Kesiksaan :